


**SAMBUTAN
MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
PERINGKAT
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TAHUN 2026**

5 - 8 MEI 2026

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
FASc
NAIB CANSOLOR
Universiti Putra Malaysia**

5 MEI 2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur iaitu Pejabat Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan UPM atas jemputan untuk merasmikan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Universiti Putra Malaysia Tahun 2026. Tahniah dan syabas kepada seluruh jawatankuasa atas komitmen dan usaha yang begitu cemerlang.

Hadirin sekalian,

2. Tema pada tahun ini, **"Persekitaran Kerja Psikososial yang Baik: Laluan ke Arah Pekerja Sejahtera dan Organisasi Kukuh"**, selari dengan penekanan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2026 yang disambut 28 April setiap tahun, yang mana memberi fokus kepada kesejahteraan mental dan persekitaran kerja yang sihat secara menyeluruh.
3. Tema ini bukan sekadar slogan, ia adalah satu seruan perubahan cara kita melihat keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
4. Hari ini, kita tidak boleh lagi hanya memberi tumpuan kepada keselamatan fizikal. Cabaran sebenar semakin tertumpu kepada aspek psikososial iaitu tekanan kerja, keletihan emosi, konflik organisasi dan ketidakseimbangan kerja-kehidupan.

5. Mengikut laporan *World Health Organization (WHO)*, 1 daripada 8 individu di dunia mengalami isu kesihatan mental, manakala tekanan dan kebimbangan di tempat kerja menyebabkan kerugian produktiviti global mencecah USD 1 trilion setahun, berdasarkan dapatan bersama *World Health Organization* dan *International Labour Organization*.

6. Ini memberi satu mesej yang sangat jelas, bahawa kesejahteraan mental adalah asas kepada kelangsungan organisasi.

Hadirin sekalian,

7. Di Malaysia, komitmen terhadap perkara ini turut diperkukuhkan melalui **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang telah dipinda**, memperluaskan tanggungjawab majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja secara menyeluruh, termasuk aspek psikososial. Ini menuntut kita untuk bergerak lebih proaktif, bukan sekadar mematuhi, tetapi membudayakan.

Hadirin sekalian,

8. Dalam konteks Universiti Putra Malaysia, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH UPM) memainkan peranan yang amat penting sebagai pemacu utama kepada agenda ini.

9. Antara peranan strategik OSH UPM adalah,

- i. Membangunkan garis panduan dan program intervensi berkaitan risiko psikososial di tempat kerja.
- ii. Meningkatkan kesedaran dan literasi kesihatan mental melalui latihan, kempen dan program seperti Minggu KKP ini.
- iii. Menyelaras pengurusan risiko secara holistik, termasuk risiko bukan fizikal.
- iv. Mengukuhkan kolaborasi dengan Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Kaunseling dan rakan strategik lain dalam menyokong kesejahteraan staf.

10. Peranan ini bukan sahaja menyokong pematuhan kepada akta, tetapi juga membina budaya kerja yang lebih sihat dan manusiawi.

Hadirin sekalian,

11. UPM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi juga memikul tanggungjawab yang lebih besar, bukan sahaja sebagai tempat bekerja, tetapi sebagai model organisasi yang sejahtera.

12. Ini diterjemahkan melalui, inisiatif kesejahteraan seperti PUTRASihat, persekitaran kerja yang inklusif dan menyokong, serta penekanan kepada keseimbangan antara prestasi dan kesejahteraan warga kerja.

13. Kita tidak mahu sekadar organisasi yang berjaya, kita mahu organisasi yang mampan, berdaya tahan dan berperikemanusiaan.

Hadirin sekalian,

14. Izinkan saya tekankan satu perkara iaitu,
"Pekerja yang sejahtera bukan sahaja menghasilkan kerja yang baik, tetapi membina organisasi yang hebat."
15. Sebaliknya, jika aspek psikososial diabaikan, kita berisiko berhadapan dengan keletihan kerja (*burnout*), penurunan prestasi dan kehilangan bakat terbaik.
16. Justeru, saya menyeru agar Pemimpin memimpin dengan empati, pengurusan menyediakan sistem sokongan yang berkesan, dan warga kerja saling menjaga antara satu sama lain. Kerana akhirnya, budaya kerja sihat adalah tanggungjawab bersama.

Hadirin sekalian,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya meninggalkan satu pesanan:
"Jaga kesejahteraan warga kerja, maka kukuhlah organisasi."

18. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur iaitu Pejabat Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan UPM atas inisiatif yang amat baik ini dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga segala usaha ini menjadi pemangkin kepada pembentukan warga kerja yang lebih sejahtera dan organisasi yang lebih kukuh.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan, Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Universiti Putra Malaysia Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

~~~~~

~~~~~

RUJUKAN / SUMBER FAKTA

1. World Health Organization (2022). *World Mental Health Report: Transforming Mental Health for All*.
– Statistik “1 daripada 8 individu mengalami gangguan mental”.
2. World Health Organization & International Labour Organization (2022).
Mental Health at Work: Policy Brief.
– Anggaran kerugian produktiviti global akibat tekanan dan kebimbangan: USD 1 trilion setahun.
3. Department of Occupational Safety and Health Malaysia
– Garis panduan dan pelaksanaan berkaitan pindaan **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)**.
4. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022, pelaksanaan 2024)
– Perluasan skop tanggungjawab majikan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja termasuk aspek kesejahteraan.